



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

PERANGKAAAN PERDAGANGAN LUAR NEGERI MALAYSIA DISEMBER 2024

**Jumlah perdagangan Malaysia mencatatkan rekod tertinggi sepanjang
masa berjumlah RM2.9 trilion untuk 2024**

PUTRAJAYA, 20 JANUARI 2025 – Dagangan Malaysia mengakhiri 2024 pada nilai tinggi dengan pertumbuhan dua angka dalam eksport dan import, menandakan asas ekonomi yang lebih kukuh. Jumlah dagangan Malaysia 2024 melonjak daripada RM2.6 trilion pada 2023 kepada RM2.9 trilion. Prestasi ini menyerlahkan peranan Malaysia yang semakin berkembang dalam perdagangan global dan ekonomi dalam menetapkan platform yang kukuh untuk pertumbuhan berterusan dan peluang baharu pada tahun akan datang. Prestasi ini didorong oleh pertumbuhan dua angka dalam eksport 16.9 peratus atau RM20.1 bilion dan import 11.9 peratus, mencecah RM119.3 bilion. Selain itu, imbalan dagangan melonjak 62.3 peratus kepada RM19.2 bilion pada Disember 2024 seperti yang dilaporkan hari ini dalam **BULETIN PERANGKAAAN PERDAGANGAN LUAR NEGERI MALAYSIA, DISEMBER 2024**. Buletin ini juga membentangkan prestasi produk untuk eksport dan import serta rakan dagangannya.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menjelaskan prestasi eksport Malaysia meningkat selaras dengan kenaikan eksport domestik dan eksport semula pada Disember 2024. Eksport domestik (79.6% daripada

jumlah eksport), meningkat 13.3 peratus kepada RM110.2 bilion dan eksport semula (20.4% daripada jumlah eksport) meningkat 33.5 peratus berbanding Disember 2023, bernilai RM28.3 bilion. Selain itu, import bernilai RM119.3 bilion, meningkat 11.9 peratus atau RM12.7 bilion. Lebihan dagangan meningkat 62.3 peratus kepada RM19.2 bilion, lebihan bulan ke-56 berturut-turut sejak Mei 2020. Berbanding November 2024, eksport, import, jumlah dagangan dan imbalan dagangan masing-masing mencatatkan peningkatan 9.7 peratus, 7.3 peratus, 8.5 peratus dan 27.4 peratus.

Melihat dari sudut kumpulan barangan, 138 daripada 256 kumpulan eksport dan 163 daripada 259 kumpulan import menunjukkan peningkatan berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya.

Ketua Perangkawan Malaysia turut menggariskan bahawa eksport yang lebih tinggi disumbangkan terutamanya ke Singapura (+RM6.9 bilion), diikuti oleh Amerika Syarikat (+RM4.3 bilion), Taiwan (+RM2.6 bilion), Hong Kong (+RM2.5 bilion), China (+RM1.7 bilion), Australia (+RM1.1 bilion) dan India (+RM991.5 juta). Selain itu, import yang lebih tinggi disumbangkan terutamanya dari China (+RM4.2 bilion), diikuti oleh Amerika Syarikat (+RM3.5 bilion), Taiwan (+RM2.6 bilion), Kesatuan Eropah (+RM1.9 bilion), Singapura (+RM1.7 bilion), Indonesia (+RM1.7 bilion) dan Angola (+RM759.6 juta).

Mengulas lebih lanjut mengenai eksport, kenaikan ini sejajar dengan peningkatan dalam barangan elektrik & elektronik (+RM12.8 bilion minyak kelapa sawit & keluaran pertanian berasaskan kelapa sawit (+RM1.9 bilion); barangan perkilangan lain (+RM1.3 bilion); barangan perkilangan logam (+RM1.2 bilion); jentera, kelengkapan & peralatan (+RM912.7 juta); dan produk petroleum (+RM763.5 juta). Di samping itu, peningkatan dalam import dicatatkan bagi barangan elektrik & elektronik (+RM10.2 bilion); jentera, kelengkapan & peralatan

(+RM2.6 bilion); keluaran pertanian yang lain (+RM684.3 juta); lain-lain (+RM598.5 juta); minyak sayuran lain (+RM435.6 juta); dan tekstil, pakaian & kasut (+RM377.1 juta).

Selanjutnya, Ketua Perangkawan Malaysia juga memaklumkan pertambahan import mengikut Penggunaan Akhir adalah seiring dengan permintaan yang lebih tinggi bagi barangan modal, barangan perantaraan dan barangan penggunaan. Import barangan modal (14.6% daripada jumlah import), meningkat 41.5 peratus atau RM5.1 bilion mencatatkan nilai RM17.4 bilion. Import barangan perantaraan (51.0% daripada jumlah import), bernilai RM60.9 bilion, mencatatkan peningkatan 1.4 peratus atau RM853.1 juta berbanding Disember 2023. Barangan penggunaan (8.6% daripada jumlah import), meningkat 11.9 peratus atau RM1.1 bilion mencecah RM10.3 bilion.

Jumlah dagangan, eksport dan import bagi 2024 mencatatkan peningkatan. Jumlah dagangan meningkat 9.2 peratus, daripada RM2.6 trilion kepada RM2.9 trilion, sejajar dengan peningkatan dalam eksport (+5.7%) serta import (+13.2%). Sebaliknya, lebih dagangan menurun 36.4 peratus berbanding tempoh yang sama pada 2023 mencatatkan nilai RM136.9 bilion.


Prestasi bagi suku tahun keempat (ST4) 2024, eksport, import, jumlah perdagangan dan lebih dagangan mengalami peningkatan berbanding tempoh yang sama tahun lepas. Prestasi ekonomi yang menggalakkan membawa kepada pertumbuhan positif masing-masing 7.3 peratus, 5.3 peratus, 6.4 peratus dan 25.0 peratus.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi


memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”. DOSM menyambut ulang tahun ke-75 Jubli Intan pada tahun 2024.


Carta 1: Perangkaan Perdagangan Luar Negeri, 2004 – 2024 (Nilai)




Carta 2: Perangkaan Perdagangan Luar Negeri, Jan 2023 – Dis 2024 (Nilai)




Carta 3: Perangkaan Perdagangan Luar Negeri, Jan 2023 – Dis 2024
(Peratus Perubahan Tahunan)




Carta 4: Perangkaan Perdagangan Luar Negeri, 2020 – 2024



Carta 5: Import mengikut Klasifikasi Penggunaan Akhir & Kategori Ekonomi Umum (BEC), Jan 2023 – Dis 2024
(Nilai dan Peratus Perubahan Tahunan)



Carta 6: Import mengikut Klasifikasi Penggunaan Akhir & Kategori Ekonomi Umum (BEC), 2020 – 2024



Jadual 1: Sub-Sektor Penyumbang Utama kepada Eksport

KETERANGAN KOMODITI	2023	2024	2024	SUMBANGA N KEPADA JUMLAH %	Y.O.Y	
	DIS RM JUTA	NOV RM JUTA	DIS RM JUTA		NILAI RM JUTA	%
Jumlah	118,447	126,310	138,517	100.0	20,070	16.9
Barangan Elektrik & Elektronik (E&E)	45,969	51,123	58,750	42.4	12,781	27.8
Keluaran Petroleum	9,056	8,880	9,820	7.1	763.5	8.4
Minyak Kelapa Sawit & Keluaran Pertanian Berasaskan Kelapa Sawit	6,250	7,354	8,192	5.9	1,943	31.1
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	5,597	6,210	6,509	4.7	912.7	16.3
Kimia & Bahan Kimia	5,946	6,134	6,082	4.4	136.0	2.3

Jadual 2: Sub-Sektor Penyumbang Utama kepada Import

KETERANGAN KOMODITI	2023	2024	2024	SUMBANGAN KEPADA JUMLAH %	Y.O.Y	
	DIS RM JUTA	NOV RM JUTA	DIS RM JUTA		NILAI RM JUTA	%
Jumlah	106,631	111,259	119,341	100.0	12,710	11.9
Barangan Elektrik & Elektronik (E&E)	32,409	39,353	42,627	35.7	10,218	31.5
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	8,272	8,613	10,844	9.1	2,572	31.1
Keluaran Petroleum	10,588	8,805	9,828	8.2	(759.7)	(7.2)
Kimia & Bahan Kimia	8,431	7,927	8,309	7.0	(122.6)	(1.5)
Barangan Perkilangan Logam	5,952	5,548	5,901	4.9	(50.7)	(0.9)

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

20 JANUARI 2024